



28 Mei 2013
28 May 2013
P.U. (A) 166

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PROKLAMASI

PROCLAMATION



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PROKLAMASI

OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
DENGAN KURNIA ALLAH,
KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWASANYA Parlimen telah dibubarkan pada tiga hari bulan April, dua ribu tiga belas:

DAN BAHAWASANYA Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada seratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN BETA, ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, DENGAN KURNIA ALLAH, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen untuk bermesyuarat dan menetapkan dua puluh empat hari bulan Jun, dua ribu tiga belas, dan pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Malaysia Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.

DIPERBUAT di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada dua puluh dua hari bulan Mei, dua ribu tiga belas.

Dengan Titah Perintah Baginda

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

PROCLAMATION

BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG,
BY THE GRACE OF ALLAH,
SUPREME HEAD OF THE STATES AND TERRITORIES OF MALAYSIA

ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Yang di-Pertuan Agong

WHEREAS Parliament was dissolved on the third day of April, two thousand thirteen:

AND WHEREAS Clause (4) of Article 55 of the Federal Constitution provides that Parliament shall be summoned to meet on a date not later than one hundred and twenty days from the date of such dissolution:

NOW THEREFORE WE, ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, BY THE GRACE OF ALLAH, the Yang di-Pertuan Agong of the States and territories of Malaysia, in exercise of the powers conferred on US under Article 55 of the Federal Constitution, DO HEREBY SUMMON Parliament to meet and appoint the twenty fourth day of June, two thousand thirteen, and the hour of ten in the morning, as the date and time for the First Meeting of the First Session of the Thirteenth Parliament of Malaysia, to be held in the Parliament House in Kuala Lumpur, the Federal Capital.

GIVEN at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, on the twenty second day of May, two thousand thirteen.

By His Majesty's Command

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Prime Minister